

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: CAS - Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Sent: 31 Januari 2017 10:10
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Yahya Bin Don; Dr. Mohd Zailani bin Mohd. Yusoff; Zairi Afandi bin Ishak
Subject: SEML TANDATANGANI LETTER OF INTENT (LOI) SEKOLAH TINGGI KEGURUAN DAN ILMU PENDIDIKAN (STKIP) NASIONAL INDONESIA



Pusat Pengajian Pendidikan
dan Bahasa Moden
SCHOOL OF EDUCATION AND MODERN LANGUAGES
Universiti Utara Malaysia



31 JANUARI 2017 / 3 JAMADILAWWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**SEML TANDATANGANI LETTER OF INTENT (LOI) SEKOLAH TINGGI KEGURUAN
DAN ILMU PENDIDIKAN (STKIP) NASIONAL INDONESIA**



SEML ONLINE: Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML) Universiti Utara Malaysia (UUM) secara rasminya telah bersetuju menerima Surat Hasrat (*Letter of Intent*) bagi kerjasama akademik dari Sekolah Tinggi Keguruan dan Ilmu Pendidikan (STKIP) Nasional Indonesia pada 30 Januari 2017.

Dalam majlis tersebut, UUM diwakili oleh Dekan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Prof. Madya Mejar Dr. Yahya Don manakala pihak STKIP Nasional Indonesia diwakili oleh Ketua STKIP Nasional Indonesia, Prof. Dr. H. Daryusti M.Hum.

Dalam majlis tersebut, turut diadakan perbincangan dua hala berkaitan penghantaran pensyarah STKIP Nasional Indonesia ke Universiti Utara Malaysia untuk menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D). Menerusi perbincangan tersebut juga, kedua-dua pihak bersetuju untuk melaksanakan beberapa aktiviti bersama seperti *matching* geran, penerbitan buku dan bab dalam buku, penerbitan jurnal berimpak tinggi, pertukaran pensyarah (pensyarah pelawat) dan penyelidikan antarabangsa.

Dekan SEML, Prof. Madya Mejar Dr. Yahya Don, menyatakan LOI yang dipersetujui adalah sebahagian dari strategi untuk meningkatkan jumlah bilangan pelajar antarabangsa khususnya peringkat PhD, selaras dengan agenda Pelan Strategik Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden tahun 2017.

Wakil STKIP yang turut hadir dalam majlis tersebut ialah Prof. Dr. H. Dayusti M. Hum (Ketua STKIP Nasional Indonesia), Prof. Dr. Jandra Mifedwil (Ketua Pengawasan STKIP Indonesia), Bapak Ali Abuzar M.Pd. MM. (Ketua Yayasan STKIP Nasional Indonesia), Ibu Nell Puspita Sari (Ketua Akademik STKIP) dan Ibu Syiti Muthia Hasnan (Ketua Perpustakaan STKIP). Manakala wakil UUM yang turut hadir ialah Pengarah CIAC Prof. Madya Dr. Mohamad Farizal Rajemi, Timbalan Dekan SEML Dr. Mohd Zailani Mohd Yusoff, Profesor Dr. Rosna Awang Hashim, Ketua-Ketua Jabatan, Penyelaras program, ahli jawatankuasa Pengantarabangsaan dan staf Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden.

Delegasi STKIP Nasional Indonesia juga dibawa melawat Anjung Tamu UUM, Galeri UUM dan sekitar kawasan kampus.

Sekian.

School of Education and Modern Languages
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
Sintok 06010 | Kedah | Malaysia
Tel: +604 9285381/5388/5392/5393/5394/5395
Fax: +604-9285382



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This E-Mail (Including Any Attachments) May Contain Confidential Information. If You Are Not The Intended Recipient, You Are Hereby Notified That Any Review, Distribution, Printing, Copying Or Use Of This E-Mail Is Strictly Prohibited. If You Have Received This E-Mail In Error, Please Notify The Sender Or Universiti Utara Malaysia (UUM) Immediately And Delete The Original Message. Opinions, Conclusions And Other Information In This E-Mail That Do Not Relate To The Official Business Of UUM And/Or Its Group Of Companies Shall Be Understood As Neither Given Nor Endorsed By UUM And UUM Accepts No Responsibility For The Same. All Liability Arising From Or In Connection With Computer Viruses And/Or Corrupted E-Mails Is Excluded To The Furthest Extent Permitted By Law.